

TARIKH	21 / 04 / 2011	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	281 14	RUANGAN	

## Tiada kes baharu MERS-CoV dikesan

KUALA LUMPUR - Tiada kes baharu jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah-Virus Korona (MERS-CoV) dilapor sehingga semalam, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, 79 sampel yang diambil daripada kontak rapat yang bergejala dan tidak bergejala juga negatif jangkitan MERS-CoV.

Sampel 17 anggota kumpulan dalam pakej umrah yang sama juga disahkan negatif jangkitan virus itu, katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya dengan laporan terkini itu jumlah kumulatif kekal sebagai satu kes kematian.

Noor Hisham menasihati orang ramai yang ingin melawat negara Timur Tengah supaya meningkatkan tahap kebersihan seperti kerap mencuci tangan dengan sabun atau *hand sanitiser* terutamanya selepas batuk, bersin dan bersalaman.

Agensi pelancongan khususnya yang menguruskan perjalanan umrah dan haji turut diminta memperkuuhkan kesedaran jemaah mengenai jangkitan virus itu.

Untuk maklumat terkini berkaitan jangkitan MERS-CoV, orang ramai boleh layari laman sesawang [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my). - Bernama



NOOR HISHAM